

2 maut kereta rempuh treler

» Pemandu lori mahu berhenti di lorong kecemasan tayar pancit

Oleh Mohamad Hanafis
Mohd Haris dan Arifin Salleh
bhjb@bh.com.my

■ Batu Pahat

Dua maut, manakala dua lagi cedera, selepas kereta Toyota Vios dinaiki mereka merempuh belakang sebuah treler di Kilometer 112.3, Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan dekat Yong Peng di sini, semalam.

Dalam nahas jam 9.45 pagi tu, pemandu kereta, Mohammad Nawawi Zulkifli, 22, dan penumpang hadapan, Nurul Jannah Osman, 28, mati di lokasi akibat cedera parah di kepala dan badan.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Din Ahmad, berkata nahas berlaku ketika pemandu treler terbabit sedang memperlakan kenderaan berat itu di lorong kecemasan selepas mengalami kerosakan.

Hilang kawalan

“Siasatan awal mendapati Toyota Vios dipandu mangsa, hilang kawalan sebelum merempuh belakang treler. Rempuhan kuat menyebabkan bahagian hadapan kereta terperosok di bawah belakang treler.



Keadaan kereta yang terperosok di belakang treler selepas terbabit kemalangan maut di Kilometer 112.3, Lebuhraya Utara-Selatan, arah selatan di Yong Peng, semalam.

[FOTO ARIFIN SALLEH/BH]

“Kedua-dua mangsa mati di lokasi sebelum mayat mereka dihantar ke Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) di sini untuk bedah siasat, sementara kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, Komander Balai Bomba dan Penyelamat Yong Peng, Penolong Penguasa Bomba Bakarya Mohd Salleh, berkata enam anggota dan sebuah jentera dikejarkan ke lokasi kejadian sejourus meneri-

ma panggilan kecemasan pada jam 9.54 pagi.

“Ketika tiba di lokasi, kami dapati kedua-dua mangsa tersepit di hadapan, manakala dua lagi penumpang di belakang berjaya dikeluarkan dan mereka hanya mengalami kecederaan ringan.

“Kedua-dua mangsa yang terbunuh dikeluarkan dalam tempoh masa kurang 10 minit sebelum diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya, manakala mereka yang cedera dihantar ke HSNI untuk

rawatan kecemasan,” katanya.

Pemandu treler, Khairul Ismail Harun, 31, berkata dia memberhentikan kenderaan berat itu di lorong kecemasan selepas mendapati satu daripada tayar treler itu pancit, sebelum terdengar dentuman kuat dari arah belakang.

“Sebaik berhenti di lorong kecemasan untuk menukar tayar itu, tiba-tiba saya terdengar dentuman kuat dari arah belakang treler sebelum melihat sebuah kereta terperosok di belakang treler,” katanya.